

# MENGUNDI DALAM PILIHAN RAYA SINGAPURA

## 1 Bagaimanakah kelayakan untuk mengundi bagi pilihan raya ini ditentukan?

Senarai pengundi bagi pilihan raya ini adalah berdasarkan Daftar Pengundi yang disiapkan pada tarikh ditetapkan iaitu 1 Jun 2023. Rakyat Singapura yang mencecah usia 21 tahun selepas 1 Jun 2023 tidak akan disenaraikan dalam Daftar Pengundi.

## 2 Bolehkah saya mengundi di pusat mengundi yang terletak lebih dekat dengan alamat baru saya, jika saya telah berpindah?

Daftar Pengundi yang ada sekarang disusun mengikut kawasan-kawasan undi berdasarkan alamat para pengundi pada tarikh ditetapkan iaitu 1 Jun 2023. Jika anda telah menukar alamat anda selepas tarikh ini, alamat baru anda hanya akan dimasukkan ke dalam Daftar Pengundi selepas ia dikemaskini lagi. Oleh itu, jika pilihan raya diadakan sebelum Daftar Pengundi dikemaskini, anda akan ditetapkan untuk mengundi di pusat mengundi dalam kawasan undi di mana alamat anda berada sebelum ianya ditukar.

## 3 Apa akan jadi jika saya gagal mengundi dalam pilihan raya?

Mengundi adalah wajib. Jika anda gagal mengundi dalam pilihan raya, nama anda akan dikeluarkan daripada daftar pengundi, tetapi anda boleh memohon untuk memasukkan semula nama anda selepas pilihan raya tersebut. Jika tidak, anda tidak boleh mengundi atau menjadi calon dalam pilihan raya pada masa akan datang.

## 4 Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memudahkan para pengundi warga emas dan yang mempunyai keperluan khas untuk mengundi di pusat mengundi?

Bagi para pengundi warga emas dan yang mempunyai keperluan khas, terdapat tempat-tempat khas untuk menurunkan penumpang kenderaan di pusat mengundi. Kerusi roda juga disediakan dan para pegawai pilihan raya akan membantu para pengundi ini jika mereka memerlukan bantuan. Para pengundi ini juga diberikan keutamaan semasa beratur.

## 5 Mengapakah ada nombor siri pengundi pada kad undi saya? Di pusat mengundi, mengapakah Pegawai Pilihan Raya menulis nombor siri pengundi saya pada keratan kertas undi dan menyebut nama saya sebelum saya diberikan kertas undi?

Nombor siri pengundi ialah nombor yang diberikan kepada pengundi dalam Daftar Pengundi. Menulis nombor siri pengundi pada keratan kertas undi diwajibkan di bawah undang-undang. Ini akan membolehkan pihak berkuasa untuk memeriksa bahawa hanya pengundi yang layak telah mengundi sekiranya ada perintah daripada Mahkamah berikutkan petisyen pilihan raya bahawa terdapatnya unsur penipuan dalam pembuangan undi.

Menyebut nombor siri pengundi dan nama pengundi juga membolehkan para ejen mengundi memastikan bahawa pengundi yang datang disenaraikan dalam salinan daftar-daftar pengundi mereka.

## 6 Bagaimanakah cara menggunakan cap dakwat tersedia?

Tempatkan cap dakwat tersedia dalam ruang kosong di sebelah calon pilihan anda pada kertas undi, dan tekankannya untuk membubuh tanda pada kertas undi. Harap maklum bahawa sebarang tanda di luar ruang kosong yang disediakan akan diabaikan.


## 7 Bapa saya terlantar sakit di katil dan tidak boleh pergi ke pusat mengundi. Bolehkah saya mengundi bagi pihak beliau?

Pengundi mesti membuang undi sendiri. Setiap orang hanya boleh membuang satu undi.

## 8 Abang/adik lelaki saya kurang upaya dari segi fizikal. Bolehkah saya membantu untuk membubuhkan tanda "X" pada kertas undi beliau?

Para pegawai pilihan raya boleh membantu abang/adik lelaki anda membubuh tanda "X" pada kertas undi jika diminta. Semua pegawai pilihan raya telah mengangkat sumpah untuk memastikan kerahsiaan undi. Oleh itu, anda tidak perlu bimbang kerana undi abang/adik lelaki anda adalah rahsia.

# PILIHAN RAYA PRESIDEN 2023



**MENGUNDI ADALAH WAJIB. UNDI ANDA ADALAH RAHSIA.**

Follow ELD on Telegram for the latest info.



www.eld.gov.sg  
1800-CALL-ELD (1800-225-5353)  
11 Novena Rise Singapore 307516

ELECTIONS DEPARTMENT SINGAPORE

# MENGUNDI PADA HARI MENGUNDI

## PENDAFTARAN ELEKTRONIK

Bawa Kad Pengenalan asli atau digital atau pasport sah dan kad undi atau kad undi elektronik anda apabila pergi ke pusat mengundi.




1



BERDIRI DI BELAKANG GARISAN KUNING UNTUK MENDAPATKAN KERTAS UNDI

2



AMBIL KERTAS UNDI

3



MASUKKAN KERTAS UNDI ANDA KE DALAM KOTAK UNDI

5

Lipat kertas undi anda dan masukkannya ke dalam kotak undi sebelum meninggalkan pusat mengundi.



TANDAKAN PILIHAN ANDA


4

Bubuhkan tanda "X" bagi pilihan anda pada kertas undi.

1



Bubuhkan tanda "X" dalam ruang kosong di sebelah calon pilihan anda menggunakan cap dakwat tersedia. Undi anda tidak akan diambil kira jika anda membubuh tanda di luar ruang yang disediakan.



2

Lipat dua kertas undi anda.



3

Masukkan kertas undi ke dalam kotak undi.